

03 AUG 2001

MAHATHIR-MENYELAMAT

KERAJAAN BERTANGGUNGJAWAB SELAMATKAN SYARIKAT-SYARIKAT BERMASALAH, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Program penyusunan semula United Engineers Malaysia Bhd (UEM) dan Renong Bhd berikutan cadangan kerajaan untuk mengambilalih syarikat-syarikat tersebut bukan satu langkah pendahuluan kepada satu arah baru pengagihan kekayaan di negara ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Beliau menegaskan kerajaan memikul tanggungjawab untuk menyelamatkan syarikat-syarikat yang bermasalah bukan kerana ia mahu menyelamatkan individu tertentu tetapi kerana komitmennya kepada kelas bekerja dan bagi memastikan kejayaan Dasar Ekonomi Baru (DEB).

"Kerajaan tidak pernah memberikan kekayaan kepada individu. Kami memberi mereka peluang, tetapi mereka tidak berjaya menguruskannya dengan baik," katanya sebagai merujuk kepada sesetengah pihak yang menduduki beberapa syarikat strategik tetapi tidak menamakan mereka yang terbabit.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, juga merujuk kepada kegagalan banyak syarikat akibat daripada krisis kewangan serantau pada 1997-1999.

Malahan syarikat yang dikendalikan dengan baik juga menemui kegagalan ketika tempoh kegawatan akibat daripada penurunan nilai ringgit, katanya, sambil menambah syarikat auto gergasi seperti General Motors juga boleh terjerumus ke dalam senario seumpama itu jika matawang AS jatuh sebanyak 50 peratus.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri perjumpaan bulanan Kementerian Kewangan, di sini, hari ini.

Pada 23 Julai lalu, kerajaan menerusi cabang pelaburannya, Khazanah Nasional Bhd, menawarkan untuk mengambilalih UEM, unit konglomerat, Renong, yang menanggung beban hutang yang besar.

Menerusi anak syarikat milik penuhnya Syarikat Danasaham Sdn Bhd, Khazanah menawarkan untuk membeli 99.78 peratus daripada saham dan waran UEM masing-masing pada RM4.50 dan 40 sen setiap satu.

Kerajaan menubuhkan agensi-agensi seperti Danaharta, Danamodal dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat bagi membantu memulihkan semula ekonomi selepas berdepan dengan krisis kewangan, terutama bank-bank dan syarikat yang aset dan harga saham mereka jatuh menjunam bukan akibat daripada kesalahan mereka sendiri.

Renong dikuasai oleh Tan Sri Halim Saad, bekas naib pengerusi eksekutif UEM. Halim meletakkan jawatan pada 27 Jun, 2001.

Mengenai tanggapan sesetengah pihak bahawa Halim adalah "fall guy" dalam usaha pembelian UEM dan Renong oleh kerajaan, Dr Mahathir berkata, "Tiada persoalan mengenai "fall guy" ataupun apa sahaja. Tanggungjawab kami adalah membantu memulihkan syarikat-syarikat.

"Jika seseorang tidak mampu mengendalikannya disebabkan oleh masalah, beliau sepatutnya melepaskan jawatannya." ("fall guy" adalah slanga yang merujuk kepada seseorang yang terpaksa menerima kesan dan akibat selepas sesuatu skim itu mengalami kegagalan).

Apabila ditanya sama ada Halim sedang disiasat, Dr Mahathir berkata: "Tidak, tidak, beliau tidak disiasat. Beliau hanya tidak berkuasa dalam pentadbiran, itu sahaja.

Kepada soalan sama ada kerajaan akan menyelamatkan lebih banyak syarikat-syarikat, Dr Mahathir berkata apa yang dilakukan oleh kerajaan adalah untuk memulihkan syarikat-syarikat yang tenat kerana apabila syarikat-syarikat ini mengalami kerugian, pemberi pinjaman mereka juga akan terjejas.

Bagaimanapun, beliau berkata bank-bank juga harus menerima hakikat bahawa apabila mereka memberi pinjaman, mereka sebenarnya menanggung risiko yang tinggi dan perlu bertolak ansur dalam menanganinya.

"Bank-bank tidak boleh berkata...kami beri pinjaman yang besar kepada anda, dengan faedah yang tinggi, dan kini anda perlu membayar semuanya," kata Dr Mahathir. -- BERNAMA

MAD SHY ZK